

MAHATHIR - ISA 'R'R'R'  
(I)

1983

KUALA LUMPUR, 11 JUN (BERNAMA)--- KERAJAAN TIDAK AKAN TERAGAK-  
AGAK MENGGUNAKAN AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA) UNTUK MENANG-  
KAP ORANG-ORANG YANG TINDAKAN MEREKA MENGANCAM MASYARAKAT DAN  
NEGARA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BAGAIMANAPUN TAMBAHNYA: +KITA AKAN HANYA MENGGUNAKAN ISA SEBAGAI  
IKHTIAR TERAKHIR KERANA ADALAH TIDAK WAJAR UNTUK MENGGUNAKANNYA  
BAGI KESALAHAN-KESALAHAN KECIL.

+KITA TIDAK MENGGUNAKAN ISA SEWENANG-WENANGNYA .. AKTA ITU HANYA  
DIKUATKUASAKAN JIKA KERAJAAN BENAR-DENAR YAKIN TINDAKAN ORANG-ORANG  
BERKENAAN MENGANCAM KESTABILAN DAN KESELAMATAN NEGARA.+

PERDANA MENTERI MENYATAKAN DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELE-  
PAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI IBUPEJABAT  
PARTI ITU DI SINI.

BELIAU TELAH DITANYA TENTANG TINDAKAN KERAJAAN TERHADAP SEKUMPU-  
LAN ORANG YANG DIKATAKAN HENDAK MEWUJUDKAN REVOLUSI PARTI YANG  
MEMBUAT PERHUBUNGAN DENGAN PARTI KOMUNIS MALAYA YANG DIHARAMKAN. --  
LAGI 1983/OM

MAHATHIR-ISA 2 KUALA LUMPUR.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENJELASKAN BAHAWA ISA AKAN DIGUNAKAN  
BERGANTUNG KEPADA BETAPA SERATNYA SESUATU KEADAAN ITU.

+MUNGKIN HUBUNGAN YANG DIBUAT OLEN SESEORANG ITU DENGAN PIHAK  
KOMUNIS TIDAK MERUPAKAN SATU ANCAMAN SERIUS SEHINGGAKAN PERLUNYA  
DIKELUARKAN WARAN TANGKAP DI BAWAH ISA. TETAP: JIKA HUBUNGAN  
SERUPA ITU JUGA, PADA ANGGAPAN KITA BERBAHAYA, MAKA SUDAH TENTU  
KITA AKAN MENGGUNAKAN ISA,+ KATANYA. -- BERNAMA 1915/OM